

TAHAP KESEDARAN PELAJAR TENTANG ISU GANGGUAN
SEKSUAL DAN NESANNYA TERHADAP PEMBELAJARAN



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 0080544 4



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS □

JUDUL : TAHAP KESEDARAN PELAJAR TENTANG ISU GANGGUAN SEKSUAL DAN KESANNYA TERHADAP PEMBELAJARAN

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya MOHD HAZREEL BIN MOHD HASMI
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (4)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
10, JALAN PIPIT, OFF JALAN
MERU, 41050 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN

TN HJ JAMALUDDIN BIN HASHIM
Nama Penyelia

Tarikh: 19 MAC 2003

Tarikh: 19 MAC 2003

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

**TAHAP KESEDARAN PELAJAR TENTANG ISU GANGGUAN
SEKSUAL DAN KESANNYA TERHADAP PEMBELAJARAN**

**MOHD HAZREEL BIN MOHD HASMI
HT010097**

**Kajian Penyelidikan ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana
Pendidikan Teknik & Vokasional**

**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

FEBRUARI 2003

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH



PENGAKUAN

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan :



Nama Penulis : Mohd Hazreel Bin Mohd Hasmi

Tarikh : 21 Februari 2003

PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH



DEDIKASI

Yang istimewa buat Ayah dan Mama tersayang serta keluarga. Tidak lupa kepada yang tercinta. Jutaan terima kasih diucapkan diatas segala sokongan, pengorbanan, kasih sayang serta kepercayaan yang diberikan.

Ribuan terima kasih dan salam penuh kasih sayang kepada Leen, Najeeha, Wan, Aween, Linde, Ija dan Asmah. Segala sokongan dan dorongan serta semangat kerjasama yang tinggi akan dikenang hingga ke nafas yang terakhir.



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TINKUTAN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya berjaya juga saya menyiapkan Projek Sarjana ini yang menyentuh tentang isu gangguan seksual yang tidak seharusnya dipandang ringan dewasa ini. Kajian berbentuk tinjauan ini bertajuk “ Tahap kesedaran pelajar Diploma Pelancongan, PJB tentang isu gangguan seksual dan kesannya terhadap pembelajaran”.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan terutamanya kepada penyelia proposal ini iaitu Tuan Haji Jamaluddin Hashim kerana memberi peluang kepada saya untuk mendapatkan bimbingan beliau serta menyumbangkan idea yang bernas, dorongan, kerjasama dan nasihat yang berpanjangan dalam menjayakan proses pelaksanaan proposal kajian ini.

Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Dr. Wan Mohd Rashid, pensyarah subjek Kaedah dan Pembangunan Penyelidikan dalam PTV (MTT 1403), kerana dengan usaha murni beliau membimbing, memberi tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna sekali dalam pelaksanaan proposal kajian dan seterusnya Projek Sarjana yang sebenar. Segala bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar beliau amat saya hargai dan sanjungi.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua pensyarah dan pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat serta rakan-rakan di atas segala kerjasama dan sokongan yang berterusan samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan proposal kajian ini. Terima kasih....

ABSTRAK

Isu gangguan seksual di tempat kerja memang sudah terlalu banyak diperkatakan, namun secara sedar atau tidak gangguan seksual juga sebenarnya sudah lama menular ke institusi-institusi pendidikan dan keadaan ini sebenarnya sudah boleh dianggap membahaya kerana secara tidak langsung ia boleh mengancam dan mengganggu gugat proses pembelajaran pelajar dan juga kelancaran sistem pengajaran sesebuah institusi pendidikan itu. Justeru itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji sejauh manakah tahap kesedaran pelajar Diploma Pelancongan, Politeknik Johor Bharu (PJB) tentang isu gangguan seksual yang wujud di institusi-institusi pendidikan. Selain daripada itu, kajian ini juga dihasilkan untuk mengkaji kewujudan kesan-kesan negatif terhadap pembelajaran akibat diganggu secara seksual serta mengkaji keperluan diwujudkan satu produk Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan sebagai salah satu mekanisma bimbingan yang boleh digunakan oleh para pelajar, pensyarah dan kakitangan di Politeknik Johor Bharu untuk mempertahankan diri. Dengan menggunakan instrumen borang soal selidik dan temuramah, seramai 100 orang responden dipilih yang terdiri daripada para pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, PJB. Menerusi kajian yang dijalankan, didapati kebanyakan pada responden pernah mengalami gangguan seksual tetapi malangnya ianya agak sukar untuk disedari. Tahap kesedaran para pelajar tentang kewujudan gangguan seksual di institusi pendidikan juga masih di tahap sederhana dan perlukan perhatian daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap kesedaran mereka. Gangguan seksual juga dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kesan negatif terhadap pembelajaran mangsa. Keperluan diwujudkan sebuah Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual mendapat sambutan baik dari semua pelajar sebagai mekanisma mencegah dan seterusnya membanteras gejala gangguan seksual yang boleh dianggap sebagai racun perosak kepada ketenteraman suasana pembelajaran di dalam kampus.

ABSTRACT

Sexual Harassment in working Place has been widely discussed and talked by many peoples. But, either we realize it or not, sexual harassment also does occur in an educational institution and actually it begins from a long time ago. Sexual harassment in education institutions can be considered as dangerous since it will directly affected to the learning system of students in campus. The impacts might be in terms of study concentration, emotion, feeling, behavior factors and many more that will indirectly contribute bad influence to the examination result in the end.

Thus, this particular research is planned in order to fulfill several objectives namely, to know the level of students' awareness about sexual harassment that occur in their college and also to study the existence of relationship between sexual harassment and the negative impacts on their study. Besides, this research will also identify the need of having one Sexual Harassment Safety Guidelines for students, lecturers and other academic staffs use in order to give them an overview on how to protect themselves from sexual harassment in future.

Through the awareness and additional facts about sexual harassment in Education Institution gained from this entire research, hope that those readers will get an extra information on what is exactly sexual harassment is, the factors, where and when it can happen, the impacts and most important thing is how they can protect themselves from sexual harassment in future in order to create a safe and smooth study environment in their college.



PEPPUSTAKAAN TUNJUNG AMINAH

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN PENULIS	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI CARTA	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BABI PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kerangka Teori	10
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Definisi Istilah	14
1.11 Kerangka Operasi	16
1.12 Gangguan Seksual: Spektrum Tingkat Perlakuan	17



BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	18
2.2	Bagaimana Gangguan Seksual Berlaku	19
2.3	Ciri-Ciri Gangguan Seksual	20
2.4	Mengapa Gangguan Seksual Berlaku	22
2.5	Kesan-Kesan Gangguan Seksual	26
2.6	Bagaimana Menghadapi Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan	27
2.7	Di Mana Gangguan Seksual Biasanya Berlaku	29
2.8	Model dan Teori Berkaitan Gangguan Seksual	30
2.9	Undang-undang Berkaitan Gangguan Seksual	31
2.10	Sejarah Gangguan Seksual	33
2.11	Senario Isu Gangguan Seksual Di Malaysia	34
2.12	Peranan Sekolah Dalam Pendidikan Seks Sebagai Langkah Mencegah Gangguan Seksual	38
2.13	Pembelajaran Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya	43
2.14	Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Dalam Pembelajaran Pelajar Sebagai Mekanisme Membanteras Gejala Gangguan Seksual	47
2.15	Sorotan Kajian Lepas	51

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	57
3.2	Rekabentuk Kajian	58
3.3	Populasi Sampel Kajian	59
3.4	Instrumen Kajian	60
3.5	Kaedah Analisis Data	64
3.6	Kajian Rintis	65
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	66
3.8	Laporan Kajian Rintis	66
3.9	Kaedah Pungutan Data	67
3.10	Andaian Kajian	68

BAB IV ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	69
4.2	Analisa Bahagian A: Demografi Responden	70
4.3	Analisa Bahagian B: Pengalaman Responden	75
4.4	Analisa Bahagian C: Tahap Kesedaran Pelajar	84
4.5	Analisa Bahagian D: Hubungkait antara Gangguan Seksual dan Kesan Terhadap Pembelajaran	89
4.6	Analisa Bahagian E: Keperluan Diwujudkan Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual	93
4.7	Perumusan Kajian	95

BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	98
5.2	Perbincangan dan Rumusan Kajian	98
5.3	Rumusan	108
5.4	Cadangan Untuk Membasmi Gangguan Seksual	110
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	113

BAB VI PEMBANGUNAN REKABENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	114
6.2	Latarbelakang Penghasilan Produk	114
6.3	Objektif Penghasilan Produk	115
6.4	Batasan Kajian Produk	116
6.5	Kegunaan Produk	116
6.6	Kelebihan Produk	117
6.7	Sasaran Penggunaan Produk	117
6.8	Kronologi Pembinaan Produk	118
6.8.1	Pengenalpastian Masalah	119
6.8.2	Penetapan Objektif	119

6.8.3	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	119
6.8.4	Penetapan Metodologi Kajian	120
6.8.5	Pengumpulan Data	120
6.8.5.1	Data Sekunder	120
6.8.5.2	Data Primier	120
6.8.6	Penghasilan Produk	121
6.8.7	Penilaian Produk	121
6.8.7.1	Subjek / Sampel Penilai Produk	122
6.8.7.2	Aspek Penilaian	122
6.8.7.3	Analisis Data	122
6.9	Permasalahan Dalam Membangunkan Produk	123
6.10	Kebolegunaan Produk	123
6.11	Rumusan	124

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN Prototaip Produk Buku Panduan

Borang Soal Selidik

Borang Soal Selidik (2): Kebolehpercayaan Produk

Alpha Cronbach (Kajian Rintis)

Frequencies Table (SPSS)

125

A

B

C

D

E



SENARAI CARTA**NO. CARTA****MUKA SURAT**

1.1	Kerangka Teori	10
1.2	Kerangka Operasi	16
1.3	Gangguan Seksual: Spektrum Tingkat Perlakuan	17
2.1	Model untuk Meramalkan Gangguan Seksual yang Dilaporkan	30
2.2	Faktor-Faktor yang Dijangka akan Mempengaruhi Pembelajaran Pelajar	45
2.3	Ukur Nilai Murni	47
4.1	Langkah-Langkah Penghasilan Produk	119

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	63
3.2	Jadual Kesahan dan Kebolehpercayaan kajian Rintis	69
4.1	Jadual Demografi Responden	72
4.2	Jadual Taburan Skor Min Bahagian B	77
4.3	Jadual Statistik Deskriptif: Pengalaman Gangguan Seksual	78
4.4	Jadual Taburan Skor Min Bahagian C	86
4.5	Jadual Statistik Deskriptif: Tahap Kesedaran Pelajar	87
4.6	Jadual Taburan Skor Min Bahagian D	91
4.7	Jadual Statistik Deskriptif: Hubungkait Antara Gangguan Seksual dan Kesan Terhadap Pembelajaran	92

SENARAI RAJAH

NO RAJAH		MUKA SURAT
4.1	Taburan Jantina Responden	73
4.2	Taburan Umur Responden	73
4.3	Taburan Bangsa Responden	74
4.4	Taburan Status Responden	74
4.5	Taburan Semester Responden	75
4.6	Taburan Tempat Tinggal Responden	75
4.7	Mendengar Tentang Istilah Gangguan Seksual	80
4.8	kenyitan Mata, Renungan Tajam dan Gerak Badan	80
4.9	Poster, Majalah atau Risalah Lucah	81
4.10	Pelawaan Makan Malam yang Berniat Tidak Baik	81
4.11	Soalan Tentang Kehidupan Peribadi	82
4.12	Jenaka dan Siulan Lucah	82
4.13	Surat, Puisi atau Kad Cinta Berbaur Lucah	83
4.14	Menerima Gambar Lucah	83
4.15	Cubaan Meraba, Menhimpit, Mengusap dan Mencium	84
4.16	Ajakan Menjalin Hubungan Sulit Secara Paksa	84
4.17	Cubaan Merogol, Deraan Secara Fizikal dan Mental	85
4.18	Tahap Kesedaran Pelajar	90
4.19	Gangguan Seksual dan Kesan Terhadap Pembelajaran	94
4.20	Keperluan Diwujudkan Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual	95

BAB I

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Gangguan Seksual merupakan satu pengalaman yang amat mengerikan dan menyiksa perasaan. Ini boleh menjejaskan kesihatan mangsa dan mengakibatkan tekanan emosi dan fizikal serta penyakit-penyakit lain yang berpunca dari tekanan tersebut. Menurut Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual terbitan Kementerian Sumber Manusia menjelaskan istilah Gangguan Seksual bermaksud sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atasnya; atau, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya (Kementerian Sumber Manusia, Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual).

Manakala menurut *Civil Rights Act of 1964* melalui seminar yang disampaikan oleh Nik Mohd Adlan (*Unknown*) bertempat di Universiti Teknologi MARA Shah Alam menjelaskan definisi Gangguan Seksual sebagai:

“Perlakuan seksual yang tidak diingini, permintaan seksual sama ada secara lisan mahupun melalui sentuhan fizikal yang mendorong kepada perlakuan seksual yang lebih melampau dan sekiranya ditolak ataupun tidak mendapat persetujuan daripada pihak yang satu lagi, maka akan mengakibatkan seseorang itu diancam seperti pemberhentian kerja, ketidak naikan pangkat dan sebagainya. Segala keadaan yang disebut di atas secara langsung atau tidak, boleh menjejaskan prestasi kerja atau pelajaran seseorang serta keadaan emosinya akan terganggu”.

Berdasarkan kepada definisi tersebut, gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pertamanya gangguan seksual berbentuk ugutan (sexual coercion) dan keduanya gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi (sexual annoyance).

Gangguan seksual yang berbentuk ugutan memberi kesan secara langsung kepada status prestasi seseorang. Sebagai contoh, di mana seseorang pensyarah yang mempunyai kuasa menentukan markah ujian dan gred, cuba mengugut pelajaranya memberi layanan seksual kepadanya. Jika pelajar tersebut tunduk kepada kehendak seksual pensyarah tersebut, faedah yang berkaitan dengan pemarkahan ujian akan diperolehi. Sebaliknya pula jika pelajar berkenaan menolaknya, faedah itu akan dinafikan (Anie, 2002).

Manakala Gangguan seksual berbentuk ancaman kepada ketenteraman peribadi ialah tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pembelajaran. Walau bagaimanapun tingkahlaku itu menimbulkan suasana pembelajaran tidak tenteram kepada mangsa yang terpaksa dialaminya untuk terus belajar. Gangguan seksual di antara rakan sekuliah adalah termasuk di bawah kategori ini. Begitu juga gangguan oleh kakitangan terhadap pelajar juga termasuk dalam kategori yang sama (Anie, 2002).

Oleh yang demikian, setelah mengetahui sedikit sebanyak mengenai senario serta fenomena Gangguan Seksual secara umumnya, dapatlah disimpulkan di sini bahawa istilah Gangguan seksual itu boleh didefinisikan sebagai apa jua bentuk pertuturan yang tidak dikehendaki di dalam pelbagai bentuk seperti bahasa-bahasa lucah, jenaka- jenaka lucah, ucapan atau pernyataan yang berunsurkan seks dan undangan/permintaan seksual sama ada secara langsung atau tidak. Gangguan Seksual juga merangkumi Sebarang tingkahlaku sama ada secara gerak isyarat atau sentuhan fizikal ke atas tubuh badan 'dengan sengaja' seperti menyentuh bahagian sulit wanita.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Dewasa ini kita telah dikejutkan dengan berbagai-bagai berita berkisar tentang gejala-gejala buruk melanda di negara kita. Antaranya ialah kisah yang berkisar mengenai gangguan seksual. Berbagai-bagai bentuk gangguan seksual telah diketengahkan serta telah banyak kajian-kajian mengenai perkara ini diketengahkan. Namun gejala ini masih tetap berlaku di mana-mana disebabkan oleh bermacam-macam alasan yang kadangkalanya tidak boleh digunapakai untuk dijadikan kes mahupun bahan bukti. Tahap kesedaran masyarakat sekarang ini juga sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan lagi kes jenayah ini (Anie, 2002).

Banyak kajian yang telah dijalankan di negara-negara maju berhubung dengan bentuk-bentuk, jenis-jenis dan akibat-akibat Gangguan Seksual. Secara umumnya hasil kajian telah menunjukkan bahawa Gangguan Seksual merupakan masalah utama di kalangan wanita. Di dapati di antara 42 peratus hingga 70 peratus wanita mengalami gangguan seksual sama ada semasa di tempat awam mahupun semasa bekerja di beberapa negara perindustrian (Kementerian Sumber Manusia, Kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja).

Walaupun tidak ada hasil kajian yang benar-benar *conclusive* mengenai kejadian Gangguan Seksual di negara ini, namun kita amat pasti bahawa ianya memang wujud terutamanya di tempat kerja yang mempunyai ramai pekerja wanita serta di institusi-institusi pendidikan dan keadaan ini memerlukan perhatian yang serius dan tindakan segera untuk menanganinya supaya tidak menjadi lebih buruk (Kementerian Sumber Manusia, Kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja).

Terdapat bukti kukuh bahawa kebanyakan kes Gangguan Seksual adalah tidak dilaporkan. Tiada kesedaran dan pengetahuan tentang apa itu gangguan seksual, Perasaan malu, tiada tempat mengadu, rasa bimbang dijadikan bahan sindiran, apatah lagi perasaan takut dan malu menyebabkan kebanyakan mangsa gangguan seksual enggan melaporkan masalah yang dihadapi, dan dengan itu terpaksa menderita dan memendam

perasaan (Kementerian Sumber manusia, Kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja).

Di dalam sesebuah institusi pendidikan, pergaulan sosial sememangnya berlaku secara meluas dan memerlukan percampuran di antara lelaki dan perempuan. Para pelajar, pensyarah dan kakitangan akademik mempunyai hubungan sosial yang rapat di mana mereka sentiasa berinteraksi antara satu sama lain tidak kira sama ada di dalam kuliah, pejabat pensyarah, makmal komputer mahupun ketika berurusan di pejabat pentadbiran. Segala jenis perhubungan ini memungkinkan mereka menghadapi risiko gangguan seksual di antara satu sama lain. Oleh kerana tiada kesedaran dan pengetahuan yang cukup, menyebabkan mangsa-mangsa gangguan seksual di institusi pendidikan tidak dapat bertindak mahupun mengelak daripada berlakunya gangguan seksual terhadap mereka (Anie, 2002).

Di Malaysia, Presiden Eksekutif Dynamic Human Resources Development Corporation Sdn Bhd., Tengku Datuk Omar (1999) berkata, definisi gangguan seksual sebenarnya bergantung kepada sensitiviti sesuatu kaum atau masyarakat. Di negara-negara barat, seorang pensyarah lelaki mencium pelajar perempuannya untuk mengucapkan tahniah adalah perkara normal, tetapi di Malaysia perlakuan ini boleh dianggap sebagai satu cubaan gangguan seksual. Berjabat tangan di antara pelajar perempuan dengan pensyarah lelaki mungkin dianggap biasa di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur, tetapi perlakuan ini mungkin tidak dipandang manis jika berlaku di kawasan-kawasan pinggir kampung yang dibatasi oleh pelbagai pantang larang seperti pantang larang agama dan tatasusila masyarakat melayu. Kenyataan ini dikuatkan oleh Dr Abdul Hadi Zakaria, Professor di Universiti Malaya (1999), yang mengatakan bahawa walaupun budaya di Malaysia membenarkan perhubungan sosial berlaku di antara lelaki dan perempuan, masalah akan wujud apabila mereka tidak dapat membatasi pergaulan mereka. Perlakuan gangguan seksual biasanya berlaku apabila lelaki dan perempuan tidak dapat membezakan di antara perlakuan sosial yang dibenarkan dan yang melampaui batas. Begitulah juga yang berlaku di institusi pendidikan di mana pergaulan di antara lelaki dan perempuan tanpa batasan dan had-had yang ditentukan (N.S.T, "Sexual Harassment and Women", 1999).

Merujuk kepada perbezaan persepsi di antara lelaki dan perempuan, Ketua eksekutif Persatuan Wanita Kuala Lumpur, Dr Sandra Chin (1994) mengatakan bahawa gangguan seksual sebenarnya berkait rapat dengan kepercayaan dan tradisi semulajadi manusia yang membentuk kepada perlakuan dan persepsi tertentu terhadap kaum wanita. Wanita secara semulajadinya dibesarkan dengan kepercayaan pasif di mana mereka lebih bergantung kepada kaum lelaki dan dianggap sebagai golongan kelas kedua. Apabila kedua-dua lelaki dan wanita bertemu, ianya akan membuka peluang yang besar kepada gangguan seksual untuk berlaku (Izwarni, 2001).

Naib Presiden CUEPACS, Puan Maimun Abd. Wahab (1999) pula berkata, bahawa perlakuan gangguan seksual ini sebenarnya sudah boleh dianggap isu yang serius di Malaysia berdasarkan kepada berleluasanya perlakuan ini di mana-mana sahaja di dalam negara. Beliau menegaskan bahawa mangsa kaum wanita tidak seharusnya takut atau malu untuk membuat laporan berkenaan gangguan seksual yang mereka alami. Oleh yang demikian, pendedahan umum tentang isu ini seharusnya dijalankan dengan lebih agresif dengan tujuan supaya masyarakat terutamanya mereka yang bekerja dan belajar tahu serta peka terhadap isu ini dan seterusnya dapat menghadapi masalah ini dengan bijak dan dalam keadaan yang bersedia (Izwarni, 2001).

Gangguan seksual sebenarnya boleh dielakkan dan diatasi dengan cara yang lebih praktikal di mana pendedahan terhadap isu ini seharusnya dijalankan seperti memberi pengetahuan dan maklumat tentang gangguan seksual terutamanya di kalangan para pelajar di institusi-institusi pendidikan, pekerja-pekerja, dan juga masyarakat secara umumnya. Melalui maklumat yang disampaikan kelak dijangka akan dapat mewujudkan kesedaran dan tahap pengetahuan yang tinggi tentang isu ini dan seterusnya gejala gangguan seksual dapat dihapuskan (Anie, 2002).

Gangguan seksual di institusi pendidikan sebenarnya boleh dilihat sebagai satu masalah yang serius di mana ianya bukan setakat satu perlakuan seksual yang tidak diinginkan mangsa, malah lebih teruk daripada itu ialah ianya berkaitan dengan salah guna kuasa oleh pemangsa kepada mangsanya. Melalui sejarah, sebenarnya gangguan seksual telah lama wujud sebelum ianya dikenali sebagai gangguan seksual. Pada masa dahulu, masih ramai mangsa terutamanya wanita tidak dapat mengenalpasti apa yang dialami

mereka itu adalah gangguan seksual. Pada pendapat mereka ianya hanyalah masalah peribadi dan tidak perlu diceritakan kepada orang lain. Tetapi, sebaliknya masalah gangguan seksual ini adalah satu masalah besar dan boleh dianggap sebagai masalah masyarakat secara umumnya. Sehingga istilah gangguan seksual ditemui, barulah timbul sedikit kesedaran di kalangan wanita bahawa gangguan seksual bukan sekadar perkara biasa yang terjadi kepada mereka malah ianya juga adalah masalah yang boleh dikongsi bersama dengan orang lain di dalam kehidupan yang didominasi oleh kaum lelaki ini (J.S Robert & W.H Jack, 1994).

Di sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, para wanita mula berkongsi masalah dan pengalaman mereka tentang perlakuan godaan seks yang dilakukan oleh kaum lelaki terhadap mereka. Semakin lama, mereka menyedari bahawa perlakuan yang dialami adalah lebih kurang sama seperti diraba, ajakan makan malam, menerima ancaman untuk melakukan seks dan sebagainya. Banyak kes yang terjadi menyebabkan ramai wanita berhenti kerja untuk mengelak dari terus diganggu oleh majikan mereka. Pada tahun 1974, Lin Farley telah menemui istilah gangguan seksual (*sexual harassment*) yang menerangkan erti gangguan seksual sebagai perlakuan godaan seks yang tidak diinginkan oleh mangsa yang dilakukan oleh lelaki terhadap perempuan (J.S Robert & W.H Jack, 1994).

Walaupun perlakuan gangguan seksual telah banyak dikenalpasti di tempat-tempat kerja dan dianggap sebagai satu perkara serius, terdapat stu lagi keadaan yang harus diambil kira iaitu perlakuan gangguan seksual yang berlaku di pusat-pusat pendidikan seperti di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kolej-kolej dan sebagainya (J.S Robert & W.H Jack, 1994).

Di institusi-institusi pendidikan, gangguan seksual bukan sahaja berlaku di antara pendidik dengan pelajar, malah ianya juga berlaku di kalangan pelajar dan yang lebih membimbangkan ialah terdapat sebilangan pelajar pula yang cuba melakukan gangguan seksual terhadap guru atau pensyarah mereka (J.S Robert & W.H Jack, 1994).

Pada tahun 1993, kajian saintifik pertama telah dijalankan terhadap gangguan seksual yang berlaku di kalangan pelajar oleh American Association of University Women Educational Foundation (AAUW). Keputusan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa gejala gangguan seksual telah lama wujud tanpa disedari oleh banyak pihak dan apa yang lebih membimbangkan ialah gejala ini semakin lama semakin meningkat perlakuannya tahun demi tahun dan menyatakan bahawa walaupun semua pelajar tidak kira lelaki ataupun perempuan menghadapi risiko yang sama, tetapi mangsa yang paling ramai jumlahnya yang dilaporkan adalah pelajar perempuan (J.S Robert & W.H Jack, 1994).

Terdapat beberapa pendapat baru yang dihasilkan daripada kajian tersebut iaitu (1) pelajar perempuan lebih kerap menerima gangguan seksual berbanding pelajar lelaki, (2) pelajar perempuan lebih banyak menerima gangguan seksual di tempat awam, (3) gangguan seksual dikatakan memberi impak yang mendalam terhadap pelajar perempuan terutamanya dari segi pencapaian dan penyertaan dalam akademik, (4) gangguan seksual memberi kesan yang buruk terhadap emosi dan perasaan mangsa itu sendiri terhadap dirinya seperti membenci diri sendiri dan menganggap diri sudah kotor, (5) pelajar perempuan yang telah mengalami gangguan seksual akan cuba mengelak perkara yang sama dari berlaku semula walau dengan apa cara sekalipun termasuk membahayakan diri sendiri (J.S Robert & W.H Jack, 1994).

Kesedaran orang ramai tentang masalah gangguan seksual yang berlaku di institusi-institusi pendidikan masih kurang berbanding dengan kes-kes yang berlaku di tempat-tempat kerja. Kalau adapun kes yang berlaku di institusi pendidikan, perkara ini jarang sekali dilaporkan berikutan tiada kesedaran, malu dan tidak tahu pada siapa ingin mengadu. Berikutan itu, gejala gangguan seksual di institusi pendidikan masih belum dapat diatasi secara terperinci. Apa yang lebih penting sekarang adalah mendidik para pelajar, pensyarah dan kakitangan yang lain tentang kewujudan gangguan seksual dan sedar tentang kesannya terhadap pembelajaran serta terhadap emosi mangsa yang mengalami. Melalui kesedaran yang dipupuk, maka dapatlah mereka mempertahankan diri dari menjadi mangsa gangguan seksual oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Secara dasarnya, kajian ini akan memfokuskan tentang penyelidikan terhadap sejauh mana tahap kesedaran serta pengetahuan para pelajar Diploma Pelancongan, Politeknik Johor Bharu (PJB) tentang isu gangguan seksual yang berlaku di sekitar pusat pengajian serta pengaruhnya terhadap pembelajaran yang berkesan. Penyelidikan ini akan mengenalpasti sejauh manakah para pelajar di PJB sedar tentang kewujudan gejala gangguan seksual dan kesan-kesan negatif yang mungkin dialami oleh mangsa, organisasi terbabit serta masyarakat atau komuniti sekeliling.

Isu gangguan seksual sebenarnya telah lama wujud dalam pelbagai organisasi terutamanya di organisasi pekerjaan seperti di pejabat-pejabat, kilang-kilang perindustrian, institusi-institusi bank serta badan-badan kerajaan. Selain dari itu, ianya juga wujud di pusat-pusat pendidikan seperti di sekolah-sekolah, kolej-kolej swasta serta di pusat-pusat pengajian tinggi. Apa yang menjadi persoalannya sekarang adalah kesedaran dan tahap pengetahuan pelajar yang diyakini masih kurang dan cetek tentang perkara ini (Anie, 2002).

Isu ini seharusnya diambil serius dimana secara sedar atau tidak sebenarnya gangguan seksual telah dikenalpasti sebagai antara penyebab mengapa seseorang individu itu gagal dalam pencapaiannya tidak kira sama ada dalam pencapaian dalam pelajaran ataupun dalam prestasi kerja. Jika berlarutan, perkara ini dikhuatiri akan membantutkan usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai generasi berkualiti yang diperlukan di dalam pelbagai bidang tidak kira sama ada yang telah bekerja mahupun yang masih menuntut. Oleh yang demikian, adalah amat penting untuk mendidik generasi-generasi kampus supaya mempunyai pengetahuan yang cukup tentang gangguan seksual dan bagaimanakah caranya untuk mencegah, menghadapi serta menangani dan seterusnya membanteras gejala yang tidak sihat ini dari terus berlaku.

Sehubungan dengan itu, penghasilan buku panduan tentang isu gangguan seksual sebagai produk projek sarjana ini kelak adalah amat sesuai dalam memberi panduan kepada warga kampus terutamanya wanita tentang isu gangguan seksual secara keseluruhannya.

Secara kesimpulannya, pernyataan masalah untuk kajian ini dapat disimpulkan sebagai **“Sejauh manakah tahap kesedaran pelajar Politeknik Johor Bahru tentang isu gangguan seksual serta apakah persepsi pelajar tentang kewujudan kesan yang negatif terhadap pembelajaran mangsa setelah diganggu secara seksual?”**.

1.4 SOALAN KAJIAN

Melalui objektif-objektif kajian yang telah dikenalpasti, berikut adalah empat soalan kajian yang dibina berdasarkan kepada objektif kajian iaitu:


- 1.4.1 Adakah para pelajar mempunyai kesedaran tentang kewujudan isu gangguan seksual di institusi pendidikan?
- 1.4.2 Apakah persepsi pelajar tentang kewujudan kesan negatif terhadap pembelajaran mangsa apabila diganggu secara seksual?
- 1.4.3 Apakah persepsi pelajar terhadap cadangan membangunkan sebuah Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan?
- 1.4.4 Adakah Produk Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan boleh digunapakai oleh para pelajar sebagai panduan?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Di dalam pelaksanaan projek sarjana ini, telah disenaraikan beberapa objektif yang terbahagi kepada 4 di mana setiap satunya menjelaskan tentang tujuan sebenar kajian ini dijalankan. Secara terperinci, kajian terhadap tahap kesedaran pelajar Diploma Pelancongan, PJB tentang isu gangguan seksual dan kesannya terhadap pembelajaran adalah untuk:

- 1.5.1 Meninjau tahap kesedaran para pelajar tentang kewujudan isu gangguan seksual di institusi pendidikan;
- 1.5.2 Melihat sejauh mana pelajar berpendapat bahawa gangguan seksual memberi kesan negatif terhadap pembelajaran mangsa;
- 1.5.3 Membangunkan sebuah Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan untuk kegunaan pelajar di institusi pendidikan.
- 1.5.4 Menguji kebolegunaan produk Buku Panduan Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan .

1.6 KERANGKA TEORI



Carta 1.1: Kerangka Teori

Sumber: A.J Veal (1992), "Research Methods For Leisure & Tourism."

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian terhadap tahap kesedaran pelajar Diploma Pelancongan, PJB tentang isu gangguan seksual serta kesannya terhadap pembelajaran ini akan berkisar tentang isu gangguan seksual yang berlaku di institusi pendidikan sahaja dimana kajian ini mengambil Politeknik Johor Bharu sebagai sampel. Isu gangguan seksual merangkumi tentang persoalan apa itu gangguan seksual dan perkara-perkara lain wujud di sebalik gejala ini seperti bagaimana ia terjadi, faktor-faktor yang mempengaruhinya, mangsa dan pemangsa, kesan-kesan darinya, kaedah mengatasi dan menanganinya serta tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar tentang kewujudan dan risiko-risiko yang bakal timbul apabila menghadapinya.

Selain daripada itu, kajian ini juga akan memfokuskan kepada hubungkait antara gangguan seksual dengan kesan-kesan yang bakal dihadapi oleh mangsa di dalam pembelajarannya dan juga mengkaji sejauh mana keperluan Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual harus diwujudkan bagi membantu para pelajar, pensyarah dan kakitangan mengetahui dengan lebih mendalam tentang gangguan seksual serta bagaimana untuk menghadapinya di masa akan datang.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian yang dijalankan, beberapa pihak yang berkaitan akan mendapat manfaat daripadanya dan akan dapat menggunakan produk yang dihasilkan dengan sepenuhnya bagi mencapai tujuan yang diharapkan. Antara pihak-pihak yang dirasakan mempunyai kepentingan di dalam pelaksanaan kajian ini adalah:

- 1.8.1 **Pelajar** – para pelajar Diploma Pelancongan PJB khususnya dan para pelajar di institusi pendidikan yang lain amnya akan dapat memanfaatkan kajian ini melalui penghasilan “Buku Panduan Keselamatan Gangguan Seksual”, di mana buku ini dapat digunakan oleh para pelajar untuk menambah pengetahuan tentang isu gangguan seksual di institusi pendidikan dan bagaimana cara untuk

menghadapinya dan seterusnya menanganinya serta membasmi gejala yang tidak sihat ini. Di samping itu, ianya juga akan dapat memupuk kesedaran para pelajar tentang kewujudan gejala ini dan betapa bahayanya ia di dalam memberi kesan-kesan yang negatif terhadap pembelajaran dan seterusnya pada kehidupan akan datang seseorang pelajar itu. Melalui pendedahan kajian ini, para pelajar akan dapat lebih beringat-ingat tentang risiko-risiko yang bakal diterima melalui gangguan seksual di tempat belajar dan mereka akan lebih berhati-hati di dalam kehidupan seharian mereka di kampus.

1.8.2 Kakitangan dan organisasi terbabit – seterusnya, kajian ini juga memberi kepentingan terhadap para kakitangan akademik mahupun kakitangan bukan akademik serta organisasi yang terbabit. Ini adalah kerana, gangguan seksual bukan sahaja berlaku kepada para pelajar malah masalah ini juga terjadi di kalangan para pensyarah dan kakitangan bukan akademik. Melalui buku panduan serta pendedahan kajian ini, pihak-pihak yang disebut tadi akan mempunyai pengetahuan tambahan serta tahap kesedaran yang tinggi untuk mengelak perkara ini daripada berlaku. Seterusnya kepada organisasi terbabit, di mana di dalam konteks kajian ini, Politeknik Johor Bharu adalah dinamakan sebagai organisasi terbabit. Melalui pendedahan yang dibuat di dalam kajian ini, pihak PJB akan lebih berhati-hati dalam usaha untuk memantau gejala ini dari terus berlaku dan seterusnya dapat menjaga nama baik serta reputasi PJB sebagai pusat pengajian tinggi yang unggul dan bebas daripada gejala-gejala tidak sihat yang boleh menggugat maruah PJB. Pihak PJB akan lebih proaktif di dalam mengatur strategi untuk mengelak perkara ini daripada berlaku sama ada di kalangan pelajar mahupun di kalangan kakitangannya.

1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia – kajian ini juga amat berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri di mana pihak Kementerian dapat memandang serius tentang perkara ini dan seterusnya menjalankan proses pemantauan yang lebih agresif di peringkat nasional di dalam usaha untuk membasmi gejala tidak sihat ini dari terus berlaku. Kementerian juga dapat

memikirkan beberapa kaedah yang sewajarnya dijalankan untuk mencegah gejala gangguan seksual ini dari terus merebak di semua institusi-institusi pendidikan di seluruh negara.

- 1.8.4 Masyarakat setempat** – melalui kajian yang dijalankan juga akan dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat di mana mereka akan lebih berhati-hati kerana gejala yang bermula dari dalam kawasan institusi pendidikan berkemungkinan besar akan merebak ke kawasan sekitarnya dan ini akan secara tidak langsung dapat mencemarkan nama baik kawasan terbabit serta masyarakat di dalamnya akan merasa tidak selamat dan sentiasa dalam perasaan ketakutan. Di samping itu juga, melalui kajian ini, masyarakat sekeliling juga akan mendapat pengetahuan tambahan serta kesedaran tentang kewujudan gejala ini dan mereka akan tahu bagaimana hendak menghadapinya.

1.9 BATASAN KAJIAN

Di dalam pelaksanaan kajian ini, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira serta pelbagai usaha dijalankan untuk mengatasi batasan-batasan berikut dengan tujuan untuk menjayakan kajian ini dengan sesempurna yang mungkin.

1.9.1 Responden dan skop kajian

Responden kajian ini adalah hanya dikalangan pelajar PJB yang terdiri daripada para pelajar jurusan Diploma Pelancongan, Jabatan Hospitaliti dan Fesyen dan kajian ini dijalankan di dalam kampus PJB sahaja serta tidak melibatkan mana-mana institusi pengajian tinggi yang lain

1.9.2 Masa dan perbelanjaan

Segala maklumat yang dicapai dalam kajian ini dipengaruhi oleh masa dan kos yang terhad oleh pengkaji. Di samping menjalankan kajian ini, pengkaji juga

mempunyai pelbagai tugas lain yang perlu dilakukan di samping menghadiri kuliah di sepanjang tempoh pengajian. Segala perbelanjaan untuk menjalankan kajian juga bergantung kepada kemampuan pengkaji yang bergelar pelajar yang sudah tentu mempunyai sumber kewangan yang terhad.

1.9.3 **Kerjasama responden dan kesahihan data**

Kerjasama responden juga dilihat sebagai satu batasan di mana terdapat juga responden yang tidak dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan sama ada ketika sesi temubual secara lisan mahupun ketika menjawab borang soal selidik dan ini akan menjejaskan proses pengumpulan data dan seterusnya akan memberi impak kepada kesahihan data yang diperolehi.

1.10 **DEFINISI ISTILAH**

Untuk Kajian ini, istilah-istilah berikut adalah dirujuk seperti berikut:

1.10.1 **Pelajar:**

Pelajar adalah merujuk kepada murid atau pelatih yang masih menuntut atau belajar di sesebuah tempat khususnya seperti di institusi pendidikan, pusat latihan dan lain-lain lagi. Pelajar yang dimaksudkan bagi kajian ini adalah merujuk kepada para pelajar jurusan Diploma Pelancongan, Jabatan Hospitaliti dan Fesyen, Politeknik Johor Bharu.

1.10.2 **Pembelajaran:**

Pembelajaran membawa maksud proses atau kegiatan pelajar. Ini termasuk dari segi mendapatkan ilmu dari pensyarah, mencari maklumat untuk menambah ilmu yang sedia ada serta mengolah semula maklumat tersebut untuk diaplikasikan semasa peperiksaan dan juga kehidupan di alam pekerjaan nanti. Proses ini amat memerlukan kemahiran yang baik untuk menguasai sesuatu mata pelajaran di

samping keadaan sekeliling yang aman dan jauh daripada gangguan-gangguan luaran yang boleh membantutkan usaha untuk mendapatkan ilmu itu.

1.10.3 Tahap:

Tahap membawa maksud peringkat atau tingkat. Berdasarkan kepada kajian ini, tahap yang dimaksudkan adalah tahap atau tingkat kesedaran seseorang pelajar itu tentang kewujudan gejala gangguan seksual di institusi pendidikan.

1.10.4 Kesedaran:

Kesedaran adalah dirujuk sebagai mengetahui dan beringat serta mempunyai keinsafan tentang sesuatu perkara. Di dalam konteks kajian ini, kesedaran yang dimaksudkan adalah keinsafan dan ingatan para pelajar KUiTTHO tentang kewujudan gejala gangguan seksual yang memberi impak negatif terhadap pembelajaran seseorang pelajar itu.

1.10.5 Gangguan:

Definisi gangguan yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah mengusik, mengacau mempermain-mainkan atau menggoda. Di dalam konteks kajian ini, gangguan yang dimaksudkan adalah gangguan seksual iaitu gangguan yang mendorong ke arah perlakuan seks oleh seseorang individu kepada individu yang lain.

1.10.6 Kesan:


Kesan membawa erti impak, akibat atau natijah yang berlaku setelah sesuatu perkara terjadi. Di dalam kajian ini, kesan yang dirujuk adalah kesan terhadap pembelajaran seseorang pelajar itu setelah mengalami gangguan seksual.



PTTA UITHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

1.11 KERANGKA OPERASI


Kerangka operasi adalah satu rangka kerja yang dibina dengan teliti untuk menerangkan secara ringkas bagaimana kajian ini dijalankan.



Carta 1.2: Kerangka Operasi

Sumber: A.J Veal (1992), *Research Methods for Leisure & Tourism*

1.12 GANGGUAN SEKSUAL: SPEKTRUM TINGKAT PERLAKUAN



Carta 1.3: Spektrum Tingkat Perlakuan Gangguan Seksual

Sumber: Carrell, et al. (1995), "The 9 to 5 combating Sexual Harrasment."

BAB II

SOROTAN KAJIAN

PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan tentang kepentingan bagi para pelajar sebagai seorang individu untuk memahami mengenai gangguan seksual serta masalah yang wujud akibat kurangnya pengetahuan yang berkaitan. Teori-teori yang berkaitan dengan kewujudan gangguan seksual juga diuraikan secara terperinci di dalam bab ini. Selain dari itu, faktor-faktor yang menyebabkan para pelajar tidak menganggap isu ini sebagai suatu permasalahan turut diperbincangkan. Kajian-kajian lepas berkenaan isu gangguan seksual juga dibentangkan dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi kajian yang dijalankan ini.

Selain daripada itu, senario tentang kewujudan gejala gangguan seksual sama ada di luar negara mahupun di dalam negara juga diuraikan di dalam bab ini sebagai pembuka mata para pembaca untuk merenung sejenak tentang betapa gejala tidak sihat ini sebenarnya sudah lama menular di dalam kehidupan masyarakat secara umumnya. Tidak ketinggalan, beberapa faktor-faktor serta langkah-langkah pencegahan yang difikirkan mampu membendung gejala ini juga turut dikupas sebagai cadangan awal.



PTU AMINAH
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

2.2 BAGAIMANA GANGGUAN SEKSUAL BERLAKU

Berikut adalah beberapa situasi yang menunjukkan bagaimana gangguan seksual boleh berlaku seperti:

- 2.2.1 Si pengganggu mengganggu mangsa sama ada secara pertuturan atau tingkahlaku yang menggambarkan dengan jelas atau tersembunyi unsur-unsur seksual dan si mangsa tidak merelakannya;
- 2.2.2 Individu dalam keadaan secara terpaksa, menerima atau menolak sebarang tingkahlaku yang dilakukan ke atas mereka oleh pihak yang berkuasa (pihak atasan) yang digunakan sebagai asas di dalam membuat keputusan untuk mengambil mereka sebagai pekerja atau kenaikan pangkat dan keputusan ini mempengaruhi individu tersebut;
- 2.2.3 Sebarang tingkahlaku yang mengandungi unsur-unsur gangguan seksual yang mempunyai tujuan atau akibat yang tidak munasabah yang mengganggu prestasi kerja/pelajaran seseorang atau membuat suasana tempat kerja/ institusi pendidikan sebagai memalukan, permusuhan atau tidak selesa (Azura Hamdan, 1998).

Sebagai contoh, tahap gangguan seksual yang paling ringan ialah seperti kenyanitan mata atau siulan nakal yang diberikan sama ada oleh orang yang tidak dikenali atau rakan sekeliling. Manakala tahap gangguan seksual yang paling teruk ialah hubungan seksual secara paksa di mana ugutan seperti dibuang kerja atau membuat laporan prestasi kerja yang buruk akan dilakukan jika kehendak seksual yang diminta tidak dipatuhi oleh kakitangan yang terlibat. Di dalam satu soalselidik bagi mengenalpasti ciri-ciri gangguan seksual di tempat kerja, didapati kebanyakan kakitangan mempunyai fahaman yang kurang jelas mengenai ciri-ciri tersebut (Anie, 2002).

2.3 CIRI-CIRI GANGGUAN SEKSUAL

Gangguan Seksual boleh dikategorikan dalam pelbagai aspek dan cara. Ianya tidak tetap dengan satu-satu situasi sahaja malah ia mungkin berlaku melalui tindakbalas-tindakbalas tertentu sama ada secara berkias mahupun secara terang-terangan. Sebagai contoh, fenomena Gangguan Seksual boleh dikategorikan dalam beberapa ciri-ciri tertentu seperti (Anie, 2002):

- 2.3.1 Perbuatan fizikal (sentuhan) oleh seorang pensyarah kepada pelajar, pensyarah kepada pensyarah yang lain ataupun oleh seorang pelajar kepada pelajar yang lain;
- 2.3.2 Kartun yang mempunyai unsur lucu yang terletak di atas meja seorang pensyarah;
- 2.3.3 Perbuatan yang menggambarkan sifat seksual semulajadi oleh seseorang yang bukan kakitangan di situ;
- 2.3.4 Seorang pensyarah atau pelajar merenung bahagian anggota badan tertentu pensyarah atau pelajar yang lain;
- 2.3.5 Jenaka lucu atau jenaka dengan sindiran seksual;
- 2.3.6 Menyentuh seorang pensyarah atau pelajar tanpa kebenarannya oleh pensyarah atau pelajar yang lain;
- 2.3.7 Pemberian markah yang tinggi dalam ujian oleh seorang pensyarah yang terlibat di dalam hubungan asmara di institusi pendidikan;
- 2.3.8 Kegagalan memberikan markah yang baik kepada seorang pelajar kerana beliau tidak mahu keluar bersama (temujanji) dengan pensyarah terbabit;
- 2.3.9 Mengajak pensyarah atau pelajar untuk keluar bersama (temujanji) walaupun beliau telah menolak untuk keluar dengan anda pada masa yang lepas (Anie, 2002).

Manakala berdasarkan Kod Amalan Kementerian Sumber Manusia Malaysia telah mengklasifikasikan bahawa Gangguan Seksual merangkumi pelbagai tingkah laku seksual yang boleh dibahagikan kepada lima jenis isitu:

2.3.10 Gangguan Secara Lisan

Contoh: Kata-kata, komen, gurauan, usikan bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan seksual.

2.3.11 Gangguan Secara Isyarat / Bukan Lisan

Contoh: Pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir atau memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks, tingkah laku mengurag yang berterusan.

2.3.12 Gangguan Visual

Contoh: Menunjukkan bahan-bahan lucu, melukis gambar lucu, menulis surat berunsur seksual, mendedahkan bahagian yang sulit yang tidak sepatutnya didedah.

2.3.13 Gangguan Psikologi

Contoh: Mengulangi jemputan sosial yang telah tidak diterima, memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan.

2.3.14 Gangguan Fizikal

Contoh: Sentuhan yang tidak diingini, menepuk mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium, serangan seksual.*

*(Kementerian Sumber Manusia, Kod Amalan mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja).



2.4 MENGAPA GANGGUAN SEKSUAL BERLAKU

Berdasarkan kepada definisi serta ciri-ciri gangguan seksual, fenomena ini sebenarnya telah lama wujud dan mungkin akan berterusan untuk suatu jangkamasa yang tidak dapat ditentukan sekiranya tiada langkah tertentu diambil oleh semua pihak. Antara sebab-sebab mengapa gangguan seksual berlaku ialah (Azura Hamdan, 1998):

2.4.1 Ketagihan Seksual

Ketagihan seksual merujuk kepada tingkah laku individu yang mencari suatu tahap kepuasan seksual di luar diri mereka sendiri di mana tingkah laku ini membolehkan mereka mengalami perubahan 'mood' sementara bila tingkahlaku yang mengganggu ini dilakukan. Seperti penagih-penagih yang lain, penagih gangguan seksual mempunyai sebab yang sama mengapa mereka ketagih untuk terus mengganggu mangsa mereka iaitu untuk mencipta atau membuat penambahan 'mood.' (Azura Hamdan, 1998).

Penagih gangguan seksual selalunya mempunyai satu ilusi yang pada pandangan mereka adalah benar. Pada jangkamasa yang berterusan, individu yang mengalami ketagihan seksual ini akan membuat lebih banyak gangguan yang dikehendaki agar perubahan 'mood' ini dapat dinikmati (increase tolerance). Jika tidak, penagih akan kehilangan potensi, tidak efektif, berada dalam keadaan panik dan kehilangan harapan. Penagih gangguan seksual ini akan melalui tiga peringkat tingkah laku:

2.4.1.1 *Tingkah laku Yang Boleh Diterima*

Pada peringkat ini, kebanyakan tingkah laku yang ditunjukkan oleh penagih gangguan seksual pada mulanya masih boleh 'diterima' dalam masyarakat. Tingkah laku ini tidak menimbulkan kesan yang ketara di dalam masyarakat secara umum. Contohnya, penggunaan bahan-bahan lucah dan masturbasi. Pada pandangan masyarakat di mana tingkah laku ini adalah 'okay' dan normal atau mereka tidak cukup sebab untuk campurtangan dalam kehidupan orang lain, ia sudah cukup bagi penagih pada peringkat ini untuk menarik

perhatian yang tidak diinginkan untuk mendapatkan reaksi daripada masyarakat (Azura, 1998).

2.4.1.2 *Tingkah laku Yang Menyeronokkan*

Pada peringkat yang kedua, tingkah laku penagih mula menjadi pengganggu di dalam kehidupan orang lain seperti membuat panggilan lucu, menunjukkan gambar-gambar lucu dan mula berminat untuk bertindak secara ganas atau kejam secara seksual. Bagi penagih gangguan seksual diperingkat ini, kemungkinan untuk ditangkap atau diketahui menambahkan lagi rasa keseronokan pada diri mereka (Azura, 1998).

2.4.1.3 *Tingkah laku Yang Lebih Menyeronokkan dan Membahayakan*

Pada peringkat yang ketiga ini, tahap tingkah laku penagih gangguan seksual mula menunjukkan tingkah laku yang merbahaya atau membahayakan mangsa yang membuatkan masyarakat mula memberikan reaksi yang selalunya secara berani menentang mereka dan mengambil tindakan undang-undang yang membawa kepada hukuman berat. Contoh gangguan seksual yang serius pada tahap ini ialah seperti mendera secara seksual, pencabulan, rogol, 'incest' dan kes-kes deraan seksual yang mengancam nyawa (Azura, 1998).

2.4.2 **Rasa Takut Menerima Pembalasan**

Kebanyakan individu yang menjadi mangsa gangguan seksual adalah mereka yang berada di bawah bidang kuasa pengganggu mereka. Apabila berada di dalam situasi begini, mangsa merasa takut akan menjadi 'persona non grata' di dalam sesebuah organisasi atau institusi jika membuat aduan kepada pihak atasan atau individu yang lain (Elton, 1988).

Selain daripada itu, mangsa juga kluatir akan kemungkinan mereka dihindari oleh individu lain yang juga takut pencapaian mereka akan turut terjejas jika mereka terbabit dengan mangsa secara langsung. Dengan sebab itu, ramai pelajar lain menolak untuk menyokong mangsa walaupun ada di antara mereka yang pernah menjadi mangsa gangguan seksual atau mereka sedar tentang wujudnya masalah tersebut (Elton, 1988).

Ada juga mangsa yang merasa takut menjadi mangsa yang berulang kali di mahkamah jika aduan mereka dibicarakan. Ini kerana di mahkamah, testimoni tentang tingkah laku mangsa juga akan diambilkira seperti cara mereka bercakap dan berpakaian akan menjadi isu di dalam perbicaraan. Dalam ertikata yang lain, mangsa dan pengganggu akan sama-sama dibicarakan. Apabila ini terjadi, tingkahlaku mangsa akan diburuk-burukkan atau diberi gambaran yang negatif supaya mahkamah dapat melihat bahawa mangsa mempunyai tugas dan kuasa untuk menghalang gangguan seksual dari dilakukan ke atas mereka (Elton, 1988).

2.4.3 Sukar Untuk Mengenal Gangguan Seksual Dalam Sesuatu Situasi

Walaupun definisi gangguan seksual telah dijelaskan, masih sukar bagi lelaki dan wanita untuk mengenali jika sesuatu pertuturan atau tingkahlaku itu adalah gangguan seksual atau tidak kerana lelaki dan wanita mempunyai pandangan yang berbeza-beza (Bontovim, 1988).

Ramai lelaki yang merasa seronok dengan keadaan atau situasi seksual dan beranggapan yang wanita juga berfikiran sedemikian. Ada juga sesetengah lelaki berpendapat, menulis surat cinta yang berunsurkan seks adalah perkara biasa tetapi bagi wanita ia adalah sesuatu yang menakutkan dan boleh memberikan kesan yang negatif seperti tekanan perasaan dan fikiran terganggu (Bontovim, 1988).

BIBLIOGRAFI

Abdul Hadi Zakaria (1999). "Some Sociology Insights into Sexual Harassment."
Fakulti Seni & Sains Sosial, Universiti Malaya: Tidak Diterbitkan.

Abdul Main Salimon (1994). "Penilaian Terhadap Teori Pendidikan."
Bahagian Pendidikan. Dewan Masyarakat. Edisi November. 20-22.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1997). "Profesyen Perguruan Dalam Gelombang
Perubahan." Bahagian Pendidikan. MASSA. Edisi Mei. 30-31.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1997). "Implikasi Sosial dan Moral-Peperiksaan
Mengikut Keupayaan." Bahagian Pendidikan. MASSA. Edisi Jun. 28-29.

Absah Md. Yusof, Nor Aziah Azizan (1998). "Kajian Kes: Meninjau Ciri-ciri Pelajar
Sarjana Pendidikan yang Berpencapaian Tinggi dan Berpencapaian Rendah
Dalam Pelajaran di ITTHO." Universiti Teknologi Tun
Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Ahmad Safri H.M Hassan dan Abu Bakar Nordin (1998). "Pendidikan di Malaysia
Cabaran Untuk Masa Depan." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd..

Anie Mohamed (2002). "Gangguan Seksual – Jangan Pandang Remeh."
Majalah Remaja. Edisi Julai. 12-13.

Ariffin Ba'ada (1990). "Penerapan Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum: Ke Arah
Melahirkan Generasi Yang Harmonis." *Jurnal Pendidikan KPM* 5. 20-33.

Asmawati Desa (2001). "Psikologi-Untuk Golongan Profesional." Bangi:
Magraw – Hill Education. 50-57.

Azura Hamdan (1998). "Gangguan Seksual di Tempat Kerja." Kuala Lumpur:
Tidak Diterbitkan.

Bernama (19 November 2001). "Syarikat Buang Mangsa Gangguan Seksual":
Berita Harian.

Bontovim, A., Elton, A., Hildebrand, J., Tranter, M., & Vizard, E. (1988).
"Sexual Harassment Within The Family." New York: Wright. 75-81.

Brooks, L. and Perot, A.R. (1991). "Reporting Sexual Harassment Exploring A
Predictive Model." *Psychology of Women Quarterly*, 15, 31-47.

Dziech B.W and Hawkins M.W (1998). "Sexual Harassment in Higher Education –
Reflections and Now Perspectives." New York: Garland Publishing, Inc. 67-120.

Eksklusif (1999). "CUEPECS mahu Gangguan Seksual Dibendung." Kuala Lumpur.

Eksklusif (1999). "Kod Amalan Membela Wanita." Kuala Lumpur. 14.

Eksklusif (199). "Wanita Mangsa Kelemahan Sendiri." Kuala Lumpur. 14.

Eller, M.E. (1984). "Sexual Harassment: Prevention, Not Protection." London:
The Cornell Quarterly. Vol:30. 84-89.

Eller, M.E (1990). "Sexual Harassment: Prevention & Protection." London:
The Cornell Quarterly. 56-60.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJ AMINAH

Farley, L (1978). "Sexual Shakedown: The Sexual Harassment of Women on The Job."
London: Melbourne House; New York: McGraw-Hill.

Fitzgerald, L.F., Drasgow, F., Hulin, C.L., Gelfand, M.J., and Magley, V. (1997).
"Antecedents And Consequences of Sexual Harassment in Organization: A Test
of an Integrated Model. *Journal of Applied Psychology*, 82, 578-589.

Izwarni Mohd. Salleh (2001). "A study on Management and Employees Perceptions
Of Sexual Harassment in Hotel Industry." Universiti Teknologi Mara:
Tesis Sarjana Muda.

Jasni Mohd. Yusof, Ahmad Aftas Azman, Abu Seman Mohammad (1998). "Kajian
Kes: Tinjauan Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik
Pelajar dan Kewajaran Mereka Menerima Bantuan." Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Kamus Dewan (1997). Edisi ke-3. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Kementerian Sumber Manusia (1998) "Kod Amalan untuk Mencegah dan
Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja." Kuala Lumpur.

Louis H. & Associates (1994). "Statistics On Sexual Harassment." Amerika Syarikat:
Cornell & Sons. 23-25.

Mahathir Mohamed (2002). "Teks Ucapan Pembukaan Sesi Ketiga Majlis Dialog
Belanjawan 2003." Kuala Lumpur: Tidak Diterbitkan.

Marican, S. (1999). "Kajian Terhadap Persepsi Pentadbir Keatas Gangguan Seksual
Di Tempat Kerja." Kuala Lumpur: Pemikir. 27-50.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Marican, S. (2001), "Gangguan Seksual di Institusi Pengajian Tinggi". Kuala Lumpur: Pemikir. 24-29.

Maypole, D.E (1986). "Sexual Harassment of Social Workers at Work: Injustice Injustice Within?." *Social Work*. Vol: 80. 44.

Mohd. Hanafiah Mat Jamlus, Mohd Subri Saud, Mohd Zamri Hamid (1998). "Kajian Terhadap Teknik Pembelajaran Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Semester 3 yang Tinggal di Luar Asrama KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Nicholson J. (1997). "Lelaki dan Perempuan," Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 45-47.

Nik Mohd Adlan Nik Mustapha (2000). "Sexual Harassment in Working Place." Universiti Teknologi Mara: Tidak Diterbitkan.

NST (199). "Drawing the Line on Sexual Harassment." <http://www.nstpi.com.my>

Nor Khomar Ishak (2000). "Research Methodology Manual." Shah Alam: Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM. 25-27.

Rahayu Hassan (1999). "The Implementation of Moral & Sex Education and "Happy Family Concepts"

Robiah Sidin (1994). "Pendidikan di Malaysia Cabaran Untuk Masa Depan." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.. 34-35.

- Rosmawati Saidin (2000). "Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Bandar Seberang Perak, Kampung Gajah, Perak." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Rohaila Abdullah (2001). "Kefahaman Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Permasalahan Gangguan Seksual: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Rusnani Habibi, Shahpri Sarpany dan Wan Azhar Wan Abdul Rahman (1999). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran di KUiTTHO: Satu Tinjauan ke Atas Pelajar-Pelajar Ijazah Pertama Kursus Kejuruteraan Semester 2." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Shoop R.J. dan Hayhow J.W. (1994). "Sexual Harassment in Our Schools." Massachusetts: Allyn & Bacon. 12-23.
- Shumaker E.F. (1973). "Small is Beautiful. London: England Publishing, Inc.. 9-13.
- Sufean Husin (1989). "Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.. 20-22.
- Stacey J. (1991). "Employer Liability for Sexual Harassment." HR Magazine. Vol:36. No:8. 70-73.
- Tajul Ariffin Nordin (1990). "Pendidikan Suatu Pemikiran Semula." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 15-20.
- Wan Zahid Mohd Nordin (1989). "Ke Arah Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni di Dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



PTT A UTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

Yunita Maria Yeni (1998). "Peranan Sekolah dalam Pendidikan Seks." Universitas
Bandung, Jakarta: Tesis Ph.D.

